



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2026

PENGAWALSELIAAN KE ATAS AKTIVITI KREDIT KOPERASI

**DIKELUARKAN PADA 1 JANUARI 2026
NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7964 SJ.5 JLD.3**

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan surat pekeliling berhubung pemakaian seksyen 51 Akta 502 bagi pengawalseliaan ke atas aktiviti kredit koperasi.

LATAR BELAKANG

2. Koperasi yang menjalankan aktiviti kredit kepada anggotanya (koperasi kredit) telah wujud seiring dengan gerakan koperasi di Malaysia sejak tahun 1922. Evolusi koperasi kredit adalah bagi memenuhi keperluan bersama dalam kalangan anggotanya untuk menyimpan dan berjimat cermat (melalui caruman yuran bulanan) dan mendapatkan pembiayaan pada kos yang rendah. Oleh kerana falsafah berkoperasi ialah untuk membantu diri sendiri, maka sumber pendanaan dalaman aktiviti kredit adalah melalui yuran anggota sebagaimana ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 502 dan perenggan 50(1)(d) Akta yang sama.

3. Suatu ketetapan dasar telah dibuat oleh Suruhanjaya pada tahun 2011 bagi Pemberhentian Pelaksanaan Aktiviti Kredit Oleh Koperasi melalui Surat Pekeliling bertarikh 13 Jun 2011. Ini berikutan dapatan Suruhanjaya di mana koperasi kredit terbuka menggunakan sumber pembiayaan luar daripada bank perdagangan dan mengenakan pelbagai potongan *upfront* terhadap anggota sehingga 35% daripada jumlah pembiayaan.

4. Surat Pekeliling bertarikh 13 Jun 2011 adalah **TIDAK TERPAKAI** bagi koperasi yang memenuhi kriteria berikut:

- (a) koperasi dianggotai oleh **kumpulan yang jelas keanggotaan dan mempunyai kepentingan bersama** bagi setiap anggota yang menyertai koperasi seperti sesebuah komuniti/kampung, sesebuah industri/kilang, sesebuah jabatan/agensi atau sesebuah kumpulan tertentu sahaja;

- (b) tidak wujud unsur-unsur menggunakan koperasi untuk kepentingan diri oleh individu tertentu;
- (c) koperasi diwujudkan hendaklah **beryuran** bagi tujuan menyimpan atau tabungan dan dijadikan sebagai sumber kredit; dan
- (d) kemudahan potongan gaji dari anggota kecuali untuk koperasi kredit peringkat kampung atau komuniti.

5. Di bawah subseksyen 51(1) Akta 502, suatu koperasi boleh memberikan kemudahan kredit kepada:

- (a) anggotanya;
- (b) pekerja dan pengurusan koperasi;
- (c) subsidiarinya menurut subseksyen 19(2) Akta; atau
- (d) koperasi lain sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya

tertakluk kepada arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan undang-undang kecilnya.

6. Bagi maksud kemudahan kredit (aktiviti kredit), ia hendaklah termasuk produk pembiayaan peribadi, pengguna, mikro kredit, pempfaktoran dan sewa beli kepada anggota koperasi secara konvensional atau Syariah.

Senario Semasa

7. Koperasi kredit merupakan penyumbang terbesar yang mewakili sektor perkhidmatan kewangan yang merupakan tulang belakang gerakan koperasi di Malaysia. Berdasarkan kepada data sehingga 31 Disember 2024, koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan dan kemudahan kredit telah mencatatkan perolehan sebanyak RM59.62 bilion iaitu 87.4% daripada keseluruhan perolehan gerakan koperasi sebanyak RM68.18 bilion.

8. Terdapat tren permintaan tinggi terhadap kemudahan kredit oleh koperasi yang mensasarkan keanggotaannya dalam kalangan penjawat awam yang kini mempunyai daya beli lebih tinggi. Ini dapat dilihat apabila koperasi lama yang tidak aktif dan koperasi baharu mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya untuk menjalankan kemudahan kredit sebagai sumber pendapatan dan perkhidmatan utama koperasi. Selain itu, institusi kewangan koperasi seperti Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) menawarkan pembiayaan besar kepada koperasi yang layak, menunjukkan sokongan sistemik terhadap kebangkitan semula kemudahan kredit dalam gerakan koperasi. Walau bagaimanapun, wujud risiko tadbir urus dan pengurusan kredit terutamanya bagi koperasi yang tidak mempunyai struktur pengurusan kewangan yang mantap.

9. Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah pendekatan strategik untuk mengimbangi isu peningkatan tahap keberhutangan isi rumah di Malaysia dengan—

- (a) memperkenalkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Bertanggungjawab (*Responsible Lending Guidelines*) kepada institusi kewangan dan koperasi kredit yang berkuat kuasa pada Oktober 2013;
- (b) mewujudkan kerangka perlindungan pengguna kewangan, tumpuan kepada *fair treatment*, kejelasan dan ketelusan termasuklah keperluan penzahiran maklumat produk seperti kadar keuntungan dan tiada caj tersembunyi; dan
- (c) menyokong koperasi kredit melalui kerjasama dengan institusi kewangan/perbankan koperasi, seperti CBP dan Bank Rakyat.

ISU DAN PERMASALAHAN

10. Isu dan permasalahan koperasi kredit membawa implikasi kepada anggota dan gerakan koperasi seperti berikut:

- (a) **aduan yang diterima oleh Suruhanjaya** daripada anggota koperasi kredit terbuka berhubung rekod pembiayaannya tidak dikemaskini di laporan kredit Bank Negara Malaysia (*Central Credit Reference Information System* – CCRIS) walaupun anggota telah membuat penyelesaian kredit;
- (b) **pendekatan koperasi menggunakan Model 3** iaitu bertindak sebagai ejen kepada bank dalam melaksanakan aktiviti kredit (Model 3 dirujuk dalam GP 6: Garis Panduan Mengenai Kemudahan Kredit Oleh Koperasi dan GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi) memberi kesan terhadap kebajikan anggota walaupun ia memenuhi keperluan kewangannya. Ketidakmampuan koperasi membuat bayaran balik pembiayaan kepada institusi kewangan dalam tempoh masa ditetapkan menjejaskan status laporan kredit (*credit exposure report*) anggota yang meminjam;
- (c) **tiada elemen perlindungan pelanggan (*customer protection*)** oleh koperasi apabila kebajikan anggotanya tidak diambilkira dalam perniagaannya. Ini menjadikan koperasi tidak telus dan tidak berintegriti kepada anggotanya;
- (d) koperasi kredit yang keanggotaannya terbuka dilihat lebih cenderung mendapatkan sumber pendanaan dalaman dengan mewujudkan **simpanan/pelaburan khas daripada anggotanya** bagi pelaksanaan aktiviti kredit yang boleh menimbulkan risiko likuiditi kepada koperasi dan risiko kewangan kepada anggota;

- (e) **kebergantungan koperasi kepada sumber pendanaan luaran** (institusi kewangan) sebagai dana untuk pemberian kemudahan kredit yang agresif memberi **kesan likuiditi** terhadap perjalanan operasi koperasi. Koperasi gagal mengekalkan pematuhan ke atas nisbah keterhutangan (*debt/equity ratio*) pada kadar 10% daripada jumlah aset tunai yang merupakan keperluan mudah tunai dan menyebabkan koperasi tidak berupaya untuk memenuhi pengeluaran wang segera; dan
- (f) isu keupayaan likuiditi koperasi memberi kesan signifikan dalam jangka pendek dan panjang dalam memenuhi **obligasi koperasi kepada anggotanya**, termasuklah penyelesaian syer dan yuran bagi anggota yang berhenti **dan kelestarian landskap dalam gerakan koperasi**.

BAHAGIAN B: PENETAPAN PELAKSANAAN AKTIVITI KREDIT

11. Kebenaran pelaksanaan aktiviti kredit adalah sebagaimana berikut:

- (a) pelaksanaan aktiviti kredit adalah **TIDAK DIBENARKAN** kepada koperasi yang keanggotaan terbuka bagi tujuan berikut:
 - (i) koperasi fungsi kredit baharu;
 - (ii) koperasi menjalankan aktiviti kredit baharu; dan
 - (iii) koperasi sedia ada ingin menjalankan aktiviti kredit sebagai aktiviti tambahan.
- (b) pelaksanaan aktiviti kredit **HANYA DIBENARKAN** kepada koperasi dengan keanggotaan yang jelas, spesifik dan mempunyai kepentingan bersama seperti komuniti/kampung, industri/kilang jabatan/agensi atau kumpulan tertentu sahaja;
- (c) pelantikan ejen secara individu atau syarikat bagi menjalankan fungsi “jualan dan pemasaran” bagi aktiviti kredit adalah **TIDAK DIBENARKAN**; dan

- (d) pelaksanaan Model 3 berikutan pemindahan aset pembiayaan (*loan asset transfer*) koperasi kepada institusi kewangan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Walau bagaimanapun, urusan pemindahan aset pembiayaan (*loan asset transfer*) koperasi kepada institusi kewangan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat berikut:
- (i) aset pembiayaan yang dicagarkan dengan Kod Potongan Gaji Biro Perkhidmatan ANGKASA (Kod BPA) hendaklah diselesaikan di peringkat koperasi dan institusi kewangan;
 - (ii) koperasi hendaklah memaklumkan setiap anggota yang meminjam dan mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada mereka berkenaan pemindahan akaun pembiayaan mereka kepada pihak institusi kewangan dan keperluan untuk berurusan terus bagi bayaran balik pembiayaan; dan
 - (iii) koperasi tidak boleh menjadi ejen kutipan hutang kepada institusi kewangan.

12. Bagi pemantauan aktiviti kredit, Suruhanjaya telah mengeluarkan garis panduan dan surat pekeliling seperti berikut—

(a) **Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2025 – Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)**

(b) **Garis Panduan**

- (i) GP6: Garis Panduan Mengenai Kemudahan Kredit Oleh Koperasi;
- (ii) GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi;
- (iii) GP7A: Garis Panduan Pengendalian Pemberian Pembiayaan Secara Berhemat;
- (iv) GP7B: Garis Panduan Pemberian Ibra' (Rebat) Bagi Pembiayaan Islam Berasaskan Jual Beli; dan

- (v) GP15: Garis Panduan Mengenai Skim Pembiayaan Mikro Oleh Koperasi.
- (c) **Surat Pekeliling Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023: Panduan Penggunaan Nama dan Perkara Berkaitan Pendaftaran Koperasi**
 - (i) Aktiviti kredit hendaklah dengan kebenaran Suruhanjaya terlebih dahulu sebelum diperuntukkan sebagai sebahagian daripada aktiviti koperasi;
 - (ii) Aktiviti kredit turut merangkumi aktiviti kredit pengguna, pembiayaan peribadi, pemfaktoran dan mikro kredit. Produk kredit adalah salah satu penyediaan pembiayaan yang ditafsirkan menurut seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].
- (d) **Surat Pekeliling Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2025: Penetapan Pelaksanaan Aktiviti Yang Tidak Memenuhi Prinsip Koperasi dan Penentuan Pemakaian Seksyen 37 Akta Koperasi 1993**

Kawasan operasi bagi koperasi kredit dikekalkan sebagaimana undang-undang kecil sedia ada atau terhad bagi satu negeri sahaja.

13. Koperasi kredit hendaklah mematuhi perundangan lain yang sedang berkuat kuasa yang antaranya termasuklah—

- (a) tempoh pembiayaan balik hendaklah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh BNM berhubung Polisi Dokumen Pembiayaan Peribadi bertarikh 30 September 2025;
- (b) apa-apa amalan yang sedang berkuat kuasa sekiranya pendanaan sumber pembiayaan melalui instrumen kewangan sukuk dan debentur perlu dengan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

- (c) penerimaan wang daripada mana-mana sumber termasuklah anggotanya bagi tujuan menjalankan aktiviti kredit adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] di bawah seliaan BNM sebagai badan pengawalselia;
- (d) penerimaan deposit daripada bukan anggota hendaklah mendapat kelulusan Suruhanjaya dan BNM; dan
- (e) apa-apa undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

BAHAGIAN C : PERMOHONAN KOPERASI MENJALANKAN AKTIVITI KREDIT

14. Suruhanjaya boleh membenarkan koperasi menjalankan aktiviti kredit di bawah subseksyen 51(1) Akta 502 **HANYA** kepada permohonan di bawah perenggan 11(b), tertakluk kepada pengemukaan dokumen dan keperluan seperti berikut:

- (a) kelulusan mesyuarat agung tahunan bagi menjalankan aktiviti kredit;
- (b) kelulusan mesyuarat Lembaga bagi menjalankan aktiviti kredit;
- (c) aturan aktiviti kredit yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan;
- (d) menetapkan modal yuran oleh anggota dalam undang-undang kecil;
- (e) menyediakan aturan pembiayaan dan bayaran balik pembiayaan dengan bersesuaian mengikut undang-undang tanpa unsur kekerasan;
- (f) koperasi dibenarkan menjalankan aktiviti kredit dengan Model 1 dan Model 2;
- (g) koperasi tidak boleh “menjual” akaun penghutang kreditnya (*loan asset transfer*) kepada institusi kewangan berlesen atau mana-mana pihak;
- (h) mengaplikasikan konsep/pendekatan *Know Your Customer* (KYC) dalam melaksanakan perniagaan koperasi;

- (i) memastikan penzahiran produk termasuklah iklan adalah jelas, tidak mengelirukan dan tidak tersembunyi;
- (j) memastikan perlakuan perniagaan termasuklah perlindungan pelanggan (*customer protection*) oleh koperasi dipatuhi;
- (k) mengenakan fi dan caj yang dibenarkan dalam garis panduan yang sedang berkuat kuasa;
- (l) apa-apa fi dan caj selain daripada yang dinyatakan dalam garis panduan, hendaklah dengan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu;
- (m) memastikan kehendak kehematan kewangan dipatuhi terutamanya tahap nisbah kecukupan modal dan nisbah kecairan sentiasa pada kadar 20% daripada jumlah aset;
- (n) semua transaksi hendaklah dibuat di alamat koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya sahaja;
- (o) memastikan satu salinan perjanjian pembiayaan yang telah dimeterai diberi kepada anggota secara percuma; dan
- (p) mempunyai pengurusan risiko kemudahan kredit dan pengukuhan modal dalaman yang efektif dan efisien.

BAHAGIAN D : PEMAKAIAN SURAT PEKELILING

15. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan peruntukan Akta 502, peraturan-peraturan, perintah, arahan, garis panduan dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya serta undang-undang bertulis yang lain. Suruhanjaya berhak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya koperasi didapati gagal mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

16. Dasar Pengawalseliaan Ke Atas Aktiviti Kredit Koperasi telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 8 Tahun 2025 bertarikh 4 Disember 2025.

17. Surat Pekeliling ini **berkuat kuasa pada 1 Januari 2026**.
18. Surat Pekeliling Pemberhentian Pelaksanaan Aktiviti Kredit Oleh Koperasi yang berkuat kuasa pada 13 Jun 2011 adalah **DIBATALKAN**.
19. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini boleh dirujuk kepada—

Pengarah
Bahagian Statutori dan Pendaftaran
Aras 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

29 Disember 2025